

Pendidikan Bahasa Ibunda Cina di Malaysia: Suatu Sorotan Literatur

(Chinese Mother Tongue Education in Malaysia: A Literature Review)

Chin Tek Yoong^{1*} , Nur Atiqah Tang Abdullah² 

¹Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: P85983@siswa.ukm.edu.my

²Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: atiqah@ukm.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Chin Tek Yoong

(P85983@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Pendidikan Bahasa Ibunda Cina

Politik Pendidikan

Dong Jiao Zong

SMPC

Masyarakat Etnik Cina

KEYWORDS:

Chinese Mother Tongue

Education

Politics Of Education

Dong Jiao Zong

ICSS

Chinese Ethnic Community

CITATION:

Chin, T. Y. & Nur Atiqah Tang Abdullah.
(2023). Pendidikan Bahasa Ibunda Cina di
Malaysia: Suatu Sorotan Literatur.

*Malaysian Journal of Social Sciences and
Humanities (MJSSH)*, 8(2), e002122.

<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2122>

ABSTRAK

Perkembangan pendidikan bahasa ibunda Cina di Malaysia dikatakan mempunyai sistem persekolahan Cina yang paling menyeluruh dari peringkat sekolah rendah vernakular dalam sistem persekolahan SJK (C), kemudian peringkat sekolah menengah dalam sistem persekolahan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC), hinggalah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang dibangunkan sepenuhnya oleh masyarakat etnik Cina. Karya dan kajian lepas telah merungkai sejarah dan perkembangan pendidikan bahasa ibunda Cina di Malaysia. Tinjauan literatur ini merumuskan sistem persekolahan Cina yang bertapak di Malaysia berikutan kedatangan imigran Cina besar-besaran dari Tanah Besar China pada kurun ke-19. Kedatangan mereka telah membuka lembaran naratif sejarah pendidikan bahasa ibunda Cina, yang dijelmakan dalam bentuk SJK(C) dan SMPC sebagai kubu pertahanan budaya Cina Malaysia, di bawah jagaan Dong Jiao Zong. Pendidikan Cina dipertahankan dalam gerakan perjuangan bersiri yang tidak pernah bernoktah, menandakan semakin terdesak kelangsungan sistem persekolahan Cina, maka semakin kuat reaksi golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda Cina menggerakkan segala sumber dan tenaga mempertahankan kelangsungannya.

ABSTRACT

The development of Chinese mother tongue education in Malaysia is said to have the most comprehensive Chinese school system, from the vernacular primary school in the SJK (C) school system, then the secondary school in the Independent Chinese Secondary Schools (ICSS) system, to private higher education institutions that are fully developed by the Chinese ethnic community. Previous works and studies have revealed the history and development of Chinese mother-tongue education in Malaysia. Following the arrival of a massive Chinese immigrant from China's mainland in the nineteenth century, this literature review formulates the Chinese school system based on Malaysia. Their arrival has opened

a narrative sheet of Chinese mother tongue education history, which is embodied in the form of SJK (C) and ICSS as the Malaysian Chinese cultural defenders, under the custody of Dong Jiao Zong. Chinese education is being defended in an unprecedented series of battles, indicating that as the Chinese school system becomes more desperate, the Chinese mother tongue education activist mobilises all resources and energy to ensure its survival.

Sumbangan/Keaslian: Penulisan tinjauan literatur ini dapat menyusur galur sejarah dan perkembangan pendidikan bahasa ibunda Cina dan merupakan satu rumusan tentang kajian semasa dan kajian lepas, selain memberikan idea kepada pengkaji untuk kajian pada masa hadapan.

1. Pengenalan

Sarjana tempatan dan golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda Cina telah banyak menyumbangkan perbincangan, perdebatan, dan penyelidikan tentang perkembangan, peranan dan kedudukan pendidikan bahasa ibunda Cina di Malaysia. Sebelum memulakan kajian tentang pendidikan bahasa ibunda Cina di Malaysia, adalah wajar pengkaji meneliti kajian-kajian lepas yang telah memberikan gambaran keseluruhan tentang sejarah perkembangan pendidikan bahasa ibunda Cina di Malaysia, perjuangan Dong jiao Zong yang mempertahankan nasib pendidikan bahasa ibunda Cina sebagai kubu pertahanan budaya Cina, perkembangan Sekolah Menengah Cina pada awal kemerdekaan Tanah Melayu, dan gerakan-gerakan pendidikan bahasa ibunda Cina yang berusaha memperjuangkan nasib sekolah-sekolah Cina yang terumbang-ambing.

Menurut masyarakat etnik Cina, pendidikan bahasa ibunda Cina di Malaysia merupakan satu sistem persekolahan yang lengkap dan menyeluruh selain daripada pendidikan bahasa ibunda Cina yang diamalkan di China, Hong Kong, dan Taiwan. Pendidikan bahasa ibunda Cina di Malaysia bermula dari peringkat sekolah rendah vernakular Cina SJK(C), Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) dan institusi pengajian tinggi yang ditubuhkan masyarakat etnik Cina (Kolej Han Chiang Pulau Pinang, Kolej New Era Selangor, dan Kolej Selatan Johor), yang masing-masing mempunyai daya tarikan tersendiri.

SJK(C) dan SMPC umpamanya, jenis sistem persekolahan ini menawarkan pendidikan dalam bahasa ibunda supaya anak murid dan pelajarnya yang terdidik dapat mengekalkan identiti etnik Cina dan mewariskan kebudayaan Cina. Perkembangan pendidikan bahasa ibunda Cina di negara ini tidak dapat terpisah daripada gerakan perjuangan pendidikan bahasa ibunda Cina. Hal ini dikatakan demikian kerana gerakan perjuangan pendidikan bahasa ibunda Cina yang digerakkan oleh golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda Cina yang memobilisasikan segala sumber dan tenaga supaya kelangsungan sekolah Cina dapat terus bertahan sebagai kubu pertahanan budaya Cina. Gerakan perjuangan pendidikan bahasa ibunda Cina sebagai gerakan sosial yang melibatkan penglibatan pelbagai pihak bermula daripada barisan pemimpin utama, pertubuhan masyarakat setempat hingga golongan akar umbi, berusaha membangunkan dan mempertahankan pendidikan bahasa ibunda, telah memainkan peranan yang cukup signifikan dalam usaha mempertahankan *survival* pendidikan bahasa ibunda Cina di Malaysia (Ang, 2011; Cheong, 2013; Tan, 2014).

2. Tinjauan Literatur

2.1. Pendidikan Cina Sebuah Naratif Sejarah

Perkembangan pendidikan Cina yang telah menarik perhatian orang ramai yang prihatin terhadap isu-isu pendidikan kerana sistem pendidikan ini telah bertapak begitu lama, dan masih dapat bertahan dalam sebuah negara yang multietnik (Kua, 1985; Tan, 1997).

Jika diimbas kembali sejarah tanah air, sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan daripada belenggu penjajah, kedatangan imigran Cina ke Tanah Melayu sejak pertengahan abad ke-19 sebagai buruh di kawasan perlombongan bijih timah telah membuka lembaran baru sejarah pendidikan Cina. Kua (1985) berpendapat bahawa bilangan sekolah-sekolah Cina semakin meningkat bagi cendawan selepas hujan menandakan masyarakat etnik Cina sudah terbentuk dan anak-anak muda Cina yang sudah mencapai usia bersekolah perlu disekolahkan.

Begitulah kedatangan imigran Cina ke Tanah Melayu, turut mewujudkan sistem pendidikan Cina untuk mendidik anak-anak keturunan Cina, sistem pendidikan Cina inilah yang dikatakan beroperasi di luar Tanah Besar China.

Pendidikan Cina terutamanya sekolah menengah persendirian Cina ditubuhkan oleh masyarakat etnik Cina, dikendalikan oleh etnik Cina merupakan satu topik kajian yang menarik minat penyelidik pendidikan Cina. Penyelidik terdahulu yang telah menjalankan penyelidikan tentang pendidikan Cina, yang dapat dalam buku Kua (1985), yang bertajuk *"The Chinese Schools Of Malaysia: A Protean Saga"* telah meninjau sejarah perkembangan pendidikan Cina, bermula dari sejarah permulaan pendidikan Cina, pendidikan Cina dalam Zaman Penjajahan, isu-isu kewarganegaraan, politik dan pendidikan, pendidikan Cina dalam Dasar Ekonomi Baru dan isu Universiti Merdeka. Pandangan Kua (1985) telah menggambarkan masyarakat Cina mempunyai pandangan yang tersendiri yang tidak diketahui masyarakat umum, termasuklah perasaan cinta yang dimiliki masyarakat etnik Cina terhadap bahasa ibunda, pendidikan, dan budaya.

Kua (1985) merumuskan bahawa pendidikan Cina hanya dapat berkembang melalui titik peluh dan keinginan politik komuniti etnik Cina di negara ini. Sekolah Cina pertama di Semenanjung dilahirkan pada 1815. Beberapa faktor turut menyumbangkan peningkatan bilangan sekolah Cina di Tanah Melayu, antaranya reformasi pendidikan yang melanda Tanah Besar China pada penghujung abad ke-19 dan juga faktor peningkatan populasi imigran Cina di Tanah Melayu. Kua (1985) terus berhujah untuk memahami cerita perkembangan pendidikan Cina perlu terlebih dahulu mendalami rukun hidup masyarakat Cina dan sikap penjajah melayan golongan imigran. Penulisan Kua (1985) ini disasarkan kepada golongan pembaca yang tidak tahu bahasa Cina, iaitu mereka yang terdiri daripada masyarakat etnik Cina yang tetapi terdidik dalam bahasa ibunda dan pembaca selain etnik Cina supaya dapat mengenali kisah perjuangan pendidikan bahasa ibunda Cina di negara ini. Antara isu lain yang turut disentuh oleh Kua (1985) adalah kisah perjuangan Dong Jiao Zong yang memimpin masyarakat etnik Cina memperjuangkan nasib pendidikan bahasa ibunda Cina, inti pati laporan-laporan jawatankuasa pendidikan dan kelahiran SMPC berikutan penguatkuasaan Akta Pelajaran 1961.

Kajian ekstensif pendidikan bahasa ibunda Cina diikuti pula oleh Tan (1997) dalam kajiannya bertajuk *"The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961"*, berkisah

tentang politik pendidikan Cina di Malaya yang berorientasikan kaedah penyelidikan historikal sejarah. Kajian [Tan \(1997\)](#) selain berfokus pada susur galur sejarah pendidikan bahasa ibunda selama satu abad dari tahun 1849 hingga 1950. Sementara itu, Tan turut membincangkan titik permulaan gerakan pendidikan Cina bawah pimpinan Dong Jiao Zong setelah penggubalan Laporan Barnes 1951, Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960. Sepanjang tempoh zaman 50-an, telah menyaksikan pendirian kerajaan penjajah dan masyarakat etnik Cina adalah berbeza terhadap pertikaian yang tercetus daripada usaha kerajaan penjajah menyusun semula sistem pendidikan pada ketika itu. Rundingan dan tawar-menawar terpaksa diadakan untuk mencapai persefahaman, namun rundingan sukar mencapai persefahaman di meja rundingan. Kajian [Tan \(1997\)](#) yang cukup menyeluruh malah masih dapat bertahan hingga masa kini, hasil kajiannya telah memberikan gambaran keseluruhan sejarah perkembangan pendidikan Cina dalam tempoh 1945 hingga 1961. Kajian ini dapat menjadi sumber rujukan perdana kepada mereka yang menjalankan kajian dalam sejarah awal pendidikan Cina, gerakan perjuangan pendidikan bahasa ibunda Cina, dan isu-isu yang berkait dengan bidang kajian ini.

[Pay \(2008\)](#) dalam tesisnya yang bertajuk "*Politik Pendidikan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC), 1962-2002: Satu Kajian Tentang Perkembangan SMPC Di Ipoh, Perak*" merupakan suatu kajian kes yang meninjau politik pendidikan di SMPC yang terletak di Ipoh. Tema penyelidikannya berfokuskan 'Politik Pendidikan', [Pay \(2008\)](#) membangkitkan persoalan sebab-sebab kewujudan SMPC di negeri Perak dan menjelaskan kewujudan sistem persekolahan SMPC yang terpisah daripada sistem pendidikan kebangsaan. Sistem persekolahan SMPC menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar pendidikan. Kajian kes yang dijalankan [Pay \(2008\)](#) terhadap tiga buah SMPC, iaitu SMPC Poi Lam (SUWA), SMPC Shen Jai (SUWA) dan SMPC Yuk Choy (SUWA), untuk meninjau latar belakang sejarah penubuhan sekolah-sekolah tersebut dan hubungan SMPC dengan masyarakat setempat yang menentukan jatuh bangun dan kelangsungan SMPC. Pada hakikatnya, SMPC merupakan produk politik pendidikan yang dilahirkan selepas tahun 1961 berikutan penguatkuasaan Akta Pelajaran 1961, kelahiran SMPC bukan menyahut aspirasi kerajaan melalui pendidikan, sebaliknya mencari jalan keluar supaya mengangkat tinggi hak mempertahankan pendidikan bahasa ibunda menurut golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda. Antara teori yang digunakan [Pay \(2008\)](#) : Teori Politik Masyarakat Majmuk, Teori Ketidakstabilan Demokrasi Rabushka & Shepsle, Teori Demokrasi Permuafakatan Arend Lijphart dan Teori Pengawalan Konflik Eric Nordlinger. Sesungguhnya [Pay \(2008\)](#) membincangkan asal usul, masa hadapan, hala tuju dan cabaran yang melanda SMPC, namun perbincangan [Pay \(2008\)](#) masih terdapat ruang untuk terperinci, terutamanya dalam aspek kewujudan SMPC dan kesannya kepada sistem pendidikan kebangsaan. Secara keseluruhannya, kajian [Pay \(2008\)](#) lebih menyerupai peninjauan sebab dan akibat kelahiran SMPC.

Buku [Lee \(2011\)](#) yang bertajuk "*Chinese Schools in Peninsular Malaysia: The Struggle for Survival*" dengan kaedah pemerolehan data melalui kajian dokumentasi yang berhujah dalam bahagian pendahuluan bahawa sekolah Cina di Semenanjung bertahan demi kelangsungannya sejak tahun 1786 hingga tahun 2003 apabila kedatangan imigran Cina ke Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, [Lee \(2011\)](#) berhujah bahawa sekolah-sekolah Cina terpaksa berhenti beroperasi pada zaman pendudukan kuasa Jepun, akan tetapi sekolah-sekolah Cina beroperasi semula setelah kuasa Jepun berundur dan kuasa penjajah Inggeris kembali semula ke Tanah Melayu. Pada zaman pascapenyerahan juga menyaksikan penubuhan Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) dan Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia

(Jiao Zong) membela nasib pendidikan bahasa ibunda Cina, selain memberi reaksi terhadap laporan-laporan pendidikan dan berjaga-jaga terhadap 'matlamat terakhir' kerajaan terhadap pendidikan Malaysia. Lee (2011) yang mengakhiri persembahan dalam bukunya dengan menyimpulkan masalah-masalah yang membelenggui sekolah Cina sejak dari 2004 hingga 2009. Berdasarkan buku Lee (2011), dapat disimpulkan bahawa sekolah Cina meskipun dari segi lahiriah dapat terus berkembang, tetapi pada hakikatnya, sekolah Cina sentiasa menghadapi cabaran yang menggugat kedudukannya.

Buku terkini Tan (2021) telah menyusurgalurkan perkembangan pendidikan bahasa ibunda Cina di Malaysia melalui bukunya yang berjudul "*The Development of Chinese Education in Malaysia*". Pada hakikatnya, kandungan penulisan Tan (2021) ini mempunyai isi-isi perbincangan yang berulang, terutamanya dalam penulisannya yang diterbitkan pada tahun 2005 dan 2014. Tan (2021) dalam karyanya telah menjelaskan kedatangan dua jenis golongan imigran Cina yang datang ke Tanah Melayu dengan motif yang berbeza dalam jangka masa terbahagi pada sebelum dan selepas kurun ke-19, dan mengetengahkan masalah dan cabaran yang dihadapi pendidikan bahasa ibunda Cina, berikutan kedatangan golongan imigran buruh Cina dari Tanah Besar China pada kurun ke-19 membuka lembaran baharu pendidikan bahasa ibunda Cina. Pertapakan pendidikan bahasa ibunda Cina di Tanah Melayu mengalami perubahan mengikut peredaran masa, perubahan sedemikian sebagai maklum balas terhadap tuntutan zaman dari semasa ke semasa, dan juga pengaruh daripada iklim politik dari Tanah Besar China. Sekolah Cina tradisional telah berubah wajah kepada sekolah Cina moden, kurikulum pada awalnya berkiblatkan etos Tanah Besar China kini lebih bercirikan konteks Tanah Melayu. Di sebalik pendidikan bahasa ibunda Cina yang menyeluruh di Tanah Melayu telah memperlihatkan usaha tawar-menawar antara golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda Cina dengan kerajaan Perikatan menjelang awal kemerdekaan Tanah Melayu yang meninggalkan impak besar kepada pendidikan bahasa ibunda Cina. Atas kegigihan golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda Cina mempertahankan sistem persekolahan Cina di tanah air, kini Malaysia mencapai status negara di rantau Asia Tenggara memiliki sistem pendidikan bahasa ibunda Cina yang paling menyeluruh.

2.2. Pendidikan Cina Dipertahankan Dalam Gerakan Perjuangan Bersiri

Dalam kajian-kajian lepas Zhen (1996), Tan (2005), Pay (2008), Pheong (2010), Ang (2011), Lee (2011), Cheong (2013), Ong (2014) dan Tan (2014) ada membincangkan dan menganalisis gerakan perjuangan pendidikan bahasa ibunda Cina, penulisan mereka dipersembahkan dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Cina.

Persatuan Lembaga-lembaga Pengurus Sekolah Cina Perak (1973) menerbitkan dokumentasi yang paling lengkap dinamai "*Pi Li Zhou Hua Wen Du Zhong Fu Xing Shi* (Sejarah Gerakan Pemulihan SMPC Perak 1973)". Buku ini memuatkan, mencatatkan dan merekodkan segala-gala yang bersangkutan paut dengan Gerakan Pemulihan SMPC Perak 1973. Antaranya, keratan akhbar, struktur organisasi gerakan pemulihan, jawatankuasa kerja yang dianggotai barisan pemimpin, jumlah kutipan derma daripada setiap aktiviti amal di setiap kawasan, latar belakang penderma individu perseorangan yang terdiri daripada pelbagai etnik, persatuan dan organisasi, carta organisasi wakil masyarakat setempat, sejarah sembilan buah SMPC Perak, minit mesyuarat Jawatankuasa Gerakan Pemulihan SMPC Perak 1973. Dapat dirumuskan bahawa kelebihan dokumentasi ini sebagai sumber primer yang sangat komprehensif untuk kajian Gerakan Pemulihan SMPC Perak 1973 kerana bahan ini telah memuatkan banyak kisah yang tidak termuat dalam mana-mana bahan terbitan sebelum ini dan dokumentasi ini turut memuatkan

anekdot kisah yang sangat menyentuh perasaan, terutamanya gelombang kutipan derma Gerakan Pemulihan SMPC Perak 1973 turut dirasai masyarakat umum di luar negeri Perak, dan juga penderma etnik Cina yang terdidik dalam pendidikan aliran pendidikan bahasa Inggeris turut mendermakan wang mereka ([Persatuan Lembaga-Lembaga Pengurus Sekolah Cina Perak, 1975](#)).

Karya [Zhen \(1996\)](#) yang bertajuk "*Bo Xia Chun Feng Wan Li—Pi Li Zhou Hua Wen Du Zhong Fu Xing Yun Dong Ji Shi* (Penyiaran Bayu Musim Bunga: Catatan Gerakan Pemulihan SMPC Perak)" memaparkan kisah-kisah sebenar ketika Gerakan Pemulihan SMPC Perak 1973 yang rancak digerakkan di seluruh pelusuk Perak. [Zhen \(1996\)](#) menyifatkan gerakan ini sebagai sebuah *odyssey* yang menggerunkan dan mendebarkan. Karya [Zhen \(1996\)](#) ini lebih bersifat sebuah catatan dokumentasi bercirikan jejak sejarah yang mengimbas kembali gerakan pemulihan yang melibatkan individu dan golongan akar umbi yang bersemangat mempertahankan kelangsungan SMPC. Karya [Zhen \(1996\)](#) ini memuatkan catatan usaha golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda Cina mengkoordinasikan rangkaian yang mempertemukan individu dari segenap lapisan masyarakat, selain mempersembahkan teks temu ramah tokoh-tokoh yang mencetuskan idea mengumpulkan derma awam menyelamatkan SMPC. Ketika Gerakan Pemulihan SMPC Perak 1973 berlangsung, reaksi masyarakat etnik Cina yang begitu menggalakkan di luar jangkaan orang ramai yang berprihatin terhadap nasib pendidikan bahasa ibunda Cina, sehingga imbasan pelbagai detik bersejarah telah menjadi buah mulut daripada mereka yang pernah terlibat dalam gerakan pemulihan tersebut. Karya ini dapat memberi pendedahan yang agak terperinci situasi sebenar Gerakan Pemulihan SMPC Perak 1973 dari segi mobilisasi sumber dan tenaga manusia. Dapat disimpulkan bahawa tanpa usaha tokoh yang mengkoordinasi dan memobilisasi, serta semangat masyarakat etnik Cina yang berkobar-kobar, gerakan tersebut tidak mungkin membuahkan kejayaan. Karya [Zhen \(1996\)](#) ini boleh dikelaskan sebagai tanda memperingati perjuangan masa silam, dan mengambil iktibar daripada tokoh pejuang.

[Tan \(2005\)](#) dalam bukunya bertajuk "*Politik DongJiaoZong Dalam Pendidikan Vernakular Cina Di Semenanjung Malaysia (1960-1982)*". Kajian [Tan \(2005\)](#) meninjau penglibatan Dong Jiao Zong dalam memperjuangkan nasib pendidikan bahasa ibunda Cina yang terumbang-ambing dengan mewujudkan sistem persekolahan vernakular Cina yang menyeluruh dan berstatus autonomi di Semenanjung Malaysia dalam tempoh tahun 1960 hingga 1982. Inti pati dalam kajian [Tan \(2005\)](#) menggunakan Model Teoretikal J. W. Berry 1979, untuk menganalisis hubungan etnik majoriti-minoriti yang bersifat dominasi-subordinasi untuk menjelaskan pola hubungan etnik. Selain itu, Tipologi Dasar Bahasa [Fishman \(1971\)](#) turut dibincangkan, untuk menjustifikasikan pelaksanaan dasar bahasa. Boleh dikatakan kajian Tan diperkaya dengan perbincangan teoretikal kerana memperkenalkan konsep etnik Majoriti-Minoriti; Bahasa, Budaya, dan Identiti; Penyebaran Budaya; Isu Pengekalan Bahasa, Budaya, dan Identiti Etnik dalam Kalangan Minoriti; Bahasa Ibunda dan Pendidikan Untuk Minoriti. Kelebihan kajian Tan ini telah menekankan perbincangan teoretikal dan segala perbincangan atas persoalan perbezaan pandangan antara Dong Jiao Zong yang mendukung konsep kepelbagaian bahasa dengan kerajaan yang mendukung konsep keseragaman bahasa turut berpandukan model teoretikal, dan konsep-konsep yang telah diguna pakai dalam kajiannya.

Sememangnya pengkaji yang berasal dari aliran pendidikan bahasa ibunda Cina mempunyai sudut pandangan yang berbeza. [Pheong \(2010\)](#) dalam tesisnya "*The Dilemma of Malaysia Chinese Education Movement, from the perspective of Ethnic Politics*", yang membincangkan persoalan tentang politik perkauman membentuk perkembangan

pendidikan Cina mulai tahun 1813 hingga zaman 50-an. [Pheong \(2010\)](#) berpendapat bahawa penubuhan sekolah Cina moden sebagai usaha masyarakat etnik Cina di rantau Nanyang mewujudkan kesedaran etnik Cina. [Pheong \(2010\)](#) menyifatkan kelahiran gerakan pendidikan Cina zaman 50-an hingga 60-an sebagai keteguhan pendirian etnik Cina. Hal ini dikatakan demikian kerana pelbagai peraturan yang tidak mesra pendidikan Cina turut digubal dan dikuatkuasakan ketika zaman 70-an hingga penghujung 80-an gerakan pendidikan Cina memperlihatkan perubahan 'kiblat' perjuangan yang menggabungkan penyertaan kuasa sivik. Walau bagaimanapun, kekurangan kajian [Pheong \(2010\)](#) pada pandangannya yang bias kerana menuduh sistem pendidikan aliran kebangsaan sebagai sistem pendidikan unitari, sedangkan kerajaan Malaysia mengakomodasikan tuntutan golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda Cina dengan membenarkan perkembangan pendidikan bahasa ibunda pada takat tertentu melalui sistem persekolahan vernakular peringkat rendah SJK (C) dan SJK (T). [Pheong \(2010\)](#) gagal melihat usaha kerajaan mengamalkan dasar keseragaman bahasa pengantar pendidikan. [Pheong \(2010\)](#) menggunakan Teori Hegemoni Budaya Gramsci meninjau pendekatan gerakan perjuangan pendidikan Cina yang menentang sistem pendidikan kebangsaan yang bersifat unitari. Pada setiap zaman yang berbeza, [Pheong \(2010\)](#) juga menggunakan Falsafah Praxis Gramsci dan Konsep Articulation Ernesto Laclau & Chantel Mouffe sebagai kerangka konseptual membandingkan perbezaan strategi, wacana dan pendekatan gerakan perjuangan pendidikan dalam konteks iklim politik perkauman di Malaysia. Hasil dapatan kajian dalam tesis [Pheong \(2010\)](#) menunjukkan gerakan perjuangan pendidikan bahasa ibunda dalam era 70-an, 80-an dan 90-an berkiblatkan tema pendidikan bahasa ibunda sebagai hak asasi manusia. Namun, pihak yang melancarkan gerakan perjuangan pendidikan gagal menarik penglibatan kumpulan NGO bukan Cina yang bangkit memperjuangkan pendidikan bahasa ibunda supaya berjuang bersama.

Tesis [Ang \(2011\)](#) berjudul "*Institutions and Social Mobilization: The Chinese Education Movement in Malaysia*" meninjau ketahanan gerakan perjuangan pendidikan Cina yang menghadapi pelbagai halangan dalam negara yang didominasi etnik majoriti. [Ang \(2011\)](#) membawa persoalan perbincangan bahawa struktur institusi Dong Zong dan Jiao Zong, dan hubungan antara institusi sebagai faktor paling utama dapat melanjutkan tempoh dan ketahanan gerakan perjuangan pendidikan Cina. Dalam dapatan kajiannya, Ang dapat mengesan tiga faktor sebagai penyumbang kepada ketahanan gerakan perjuangan pendidikan Cina. Pertama, rangkaian dalam kalangan elit yang terbabit; Kedua, keunikan mekanisme memobilisasikan segala tenaga dan sumber; Ketiga, Dong Jiao Zong melalui Jawatankuasa Kerja Pembangunan SMPC Kebangsaan yang ditubuhkan telah memberi sokongan berterusan terhadap gerakan perjuangan pendidikan Cina yang dilancarkan.

[Cheong \(2013\)](#) menerusi tesisnya yang diterbitkan bertajuk "*Gerakan Pendidikan Cina Di Malaysia: Satu Kajian Tentang Perjuangan Dong Jiao Zong (1970-2002)*" mengisi jurang penyelidikan dalam perjuangan Dong Jiao Zong dalam tempoh 1970-2002. Kajian [Cheong \(2013\)](#) ini telah membincangkan dilema pendidikan Cina mengikut urutan zaman bermula zaman kolonial, zaman kemerdekaan, zaman 60-an, dan sesudah rusuhan kaum 13 Mei 1969. Dilema yang dimaksudkan adalah sama ada pendidikan Cina akur dengan polisi kerajaan sistem pendidikan aliran perdana atau mempertahankan pendidikan bahasa ibunda mencari jalan keluar sendiri supaya dapat mewujudkan pendidikan Cina yang berdikari dan berautonomi. Meskipun dalam bahagian kajian lain, [Cheong \(2013\)](#) banyak memperincikan gerakan pendidikan Cina yang dipimpin oleh Dong Jiao Zong, namun kekurangan pada kajian ialah [Cheong \(2013\)](#) tidak banyak mengadaptasikan

teoretikal yang diperkenalkan dalam bukunya, iaitu Lima Peringkat Gerakan Sosial Mauss 1975 dan Struktur Pembahagian Ahli Gerakan Pendidikan Cina (Cheong, 2013).

Dalam tesis Ong (2014) yang diterbitkan, pendekatan kaedah penyelidikan dokumentari meninjau kesan dan pengaruh gerakan pendidikan Cina digunakan. Tesis terbitannya bertajuk *"The Metamorphosis and Resurgence of Chinese Secondary Schools in Malaysia: Focusing on Perak (1962-1985)"* telah menyusurgalurkan sejarah perkembangan sekolah menengah Cina yang melibatkan isu pertukaran sistem ke aliran kebangsaan, setelah penguatkuasaan Akta Pelajaran 1961. Akta ini dikatakan titik tolak nasib sekolah menengah Cina kerana sekolah menengah Cina yang menerima subsidi dan bantuan kewangan akan diserapkan dalam sistem pendidikan kebangsaan manakala sekolah menengah Cina yang enggan berbuat demikian 'terpinggir' di luar sistem pendidikan kebangsaan menjadi SMPC yang terpaksa mencari jalan keluar menentukan nasib sendiri. Ong (2014) melontarkan persoalan perbincangan tentang pertukaran aliran sekolah-sekolah menengah Cina 60-an di seluruh negara amnya dan di negeri Perak khususnya, serta gerakan pemulihan dilancarkan untuk menyelamatkan SMPC Perak di ambang penggulungan tikar. Seperti yang diujahkan Ong (2014), Perak merupakan negeri yang mencetuskan Gerakan Pemulihan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) Perak kerana secara berbanding dengan negeri lain, terdapat banyak sekolah Cina yang bertukar aliran di negeri Perak. Pada masa yang sama, SMJK Yuk Choy dan SMPC Yuk Choy (SUWA) mengalami nasib berbeza, terutamanya SMPC Yuk Choy berbangkit selepas Gerakan Pemulihan Perak 1973 dan selepas itu Gerakan Kebangkitan Yuk Choy berjaya membolehkan SMPC Yuk Choy berpindah ke tapak sekolah baru di Jelapang. Namun, terdapat kekurangan dalam kajian Ong, iaitu hasil kajian tidak dipandu oleh sebarang teori mahupun model teoretikal. Hujah-hujah Ong mencerminkan pandangan tipikal golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda Cina, iaitu polisi kerajaan tidak mesra pendidikan bahasa ibunda. Golongan ini melihat segala polisi kerajaan yang berkuatkuasa terhadap pendidikan bahasa ibunda seolah-olah ada agenda yang tersembunyi. Kajian Ong (2014) mencerminkan golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda begitu obses mempertahankan hak etnik dan bahasa ibunda. Mereka gagal melihat dari sudut pandangan yang lebih luas, iaitu polisi pendidikan berhasrat melahirkan sebuah negara bangsa. Golongan ini mengabaikan fungsi sekolah aliran perdana sebagai agen sosialisasi yang dapat memupuk fikiran yang sama.

Tan (2014) dalam bukunya bertajuk *"Pendidikan Cina di Malaysia: Sejarah, Politik dan Gerakan Perjuangan"* yang membawa perbincangan persoalan dalam tiga bahagian utama, antaranya Sejarah Perkembangan Pendidikan Cina, Politik dan Pendidikan Cina, dan Gerakan Perjuangan Pendidikan Cina. Tan menyampaikan urutan sejarah perkembangan pendidikan sebelum merdeka, menjelang kemerdekaan dan pascakemerdekaan yang sangat terperinci. Sesuai dengan buku Tan yang berfokuskan gerakan perjuangan pendidikan, unsur politik dalam pendidikan Cina tidak dapat dielakkan kerana usaha memperjuangkan nasib pendidikan Cina perlu mendapatkan bantuan dan sokongan ahli politik menyampaikan hasrat masyarakat etnik Cina kepada kerajaan dan penggubal dasar. Tidak kurang juga Tan (2014) membincangkan gerakan yang memperjuangkan isu pengiktirafan terhadap status bahasa Cina sebagai salah satu bahasa rasmi negara, dan gerakan menyelesaikan segala cabaran yang dihadapi SJK (C), SMPC dan Kolej Era Baru. Isu Gerakan Pemulihan SMPC Perak 1973 turut dibincangkan oleh Tan (2014) tetapi perbincangan sekadar faktor-faktor penyebab dan kesan daripada gerakan tersebut yang memberi nafas baru kepada SMPC negeri Perak. Secara keseluruhannya, buku ini merupakan kesinambungan daripada kajiannya pada tahun 2005 dan tahun 2010. Kandungannya tidak banyak membincangkan aspek teoretikal,

namun nilai-nilai keilmiahan dalam buku tersebut memperlihatkan kepakaran [Tan \(2014\)](#) dalam bidang kajian pendidikan Cina di Malaysia.

Antara penyelidikan yang pernah dijalankan tentang sejarah perkembangan, isu-isu, dan cabaran yang telah dilalui oleh pendidikan Cina seawal abad ke-19 hingga zaman 60-an. Tempoh ini telah menyaksikan sekolah-sekolah menengah Cina yang memohon bantuan kewangan daripada kerajaan telah menjadi Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) dan diserapkan dalam sistem pendidikan kebangsaan. Bahasa pengantar dalam sistem persekolahan SMJK ialah bahasa kebangsaan dan kurikulumnya mengikuti sukatan pelajaran kebangsaan. Sekolah-sekolah menengah Cina lain yang tidak memohon bantuan kewangan kerajaan telah menjadi Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) setelah Akta Pelajaran 1961 mula berkuatkuasa. Bahasa pengantar dalam sistem persekolahan SMPC ini ialah bahasa Cina, dan mempunyai kurikulumnya tersendiri. Disebabkan SMPC berada di luar sistem pendidikan kebangsaan, pembangunan dan perkembangan SMPC ditanggung sepenuhnya oleh golongan akar umbi etnik Cina dan masyarakat etnik Cina setempat ([Kua, 1985](#); Pay, 2008).

2.3. Pendidikan Cina Dijelmakan Dalam Bentuk SJK(C) Dan SMPC Sebagai Kubu Pertahanan Budaya Cina Malaysia

Pendidikan Cina di negara tidak sekadar menyediakan peluang pendidikan bahasa ibunda terhadap anak-anak etnik Cina, malah sistem pendidikan Cina telah terjerumus dalam isu-isu yang menjadi polemik dalam kalangan pemimpin negara, terutamanya isu-isu yang berkait dengan penggunaan bahasa pengantar pendidikan, integrasi nasional untuk membina satu bangsa Malaysia, tuntutan layanan adil dan saksama terhadap pendidikan vernakular Cina, dan sebagainya.

Malaysia kini mempunyai 60 buah SMPC dan sebuah SMPC cawangan, yang berperanan sebagai kubu pertahanan budaya Cina. Pendidikan Cina di Malaysia begitu lengkap dan berautonomi, selain pendidikan sekolah yang berorientasikan bahasa pengantar bahasa Cina yang dapat dilihat di China, Hong Kong dan Taiwan. Golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda Cina berusaha mempertahankan sistem pendidikan Cina di Malaysia yang lengkap, bermula dari peringkat sekolah rendah vernakular Cina, SMPC hingga tahap pengajian tinggi. Sesungguhnya usaha kerajaan menggubal dasar bahasa dalam pendidikan tidak dapat mengelakkan reaksi golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda Cina yang membantah usaha murni kerajaan. Buku [Tan dan Santhiram \(2010\)](#) yang bertajuk "*The Education of Ethnic Minorities: The Case of The Malaysian Chinese*", berfokuskan perbincangan pendidikan etnik minoriti. Penulisan [Tan dan Santhiram \(2010\)](#) banyak membuka minda pembaca yang ingin mendalami isu pendidikan yang dialami golongan etnik minoriti dalam masyarakat pluralistik. Antaranya, isu yang melibatkan penggubalan dasar bahasa yang mana kerajaan patut mempertimbangkan beberapa faktor, memandangkan negara ini didiami kumpulan etnik yang pelbagai. Hal ini disebabkan tiap-tiap kumpulan etnik berpegang pada pendirian tertentu terhadap bahasa dan pendidikan. Sejak golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda mempertahankan pendidikan Cina yang lengkap, isu keupayaan SJK (C) memupuk integrasi nasional sering menjadi isu yang dipersoalkan, ditambah pula isu transisi bahasa pengantar sekolah rendah vernakular ke sekolah menengah aliran kebangsaan, sering menyaksikan anak murid lepasan SJK (C) yang menghadapi masalah menyesuaikan diri dalam sekolah menengah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama meskipun lepasan SJK (C) pernah belajar kelas peralihan selama satu tahun. Kritikan [Tan dan Santhiram \(2010\)](#) terhadap golongan aktivis

pendidikan bahasa ibunda Cina yang menentukan nasib SJK (C) begitu obses mempertahankan penggunaan bahasa ibunda tanpa memberi penekanan memastikan anak murid SJK (C) menguasai bahasa Melayu yang diangkat sebagai bahasa pengantar pendidikan di Malaysia. Golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda Cina ini tidak menerima kenyataan bahawa ibu bapa lebih gemar menyekolahkan anak mereka di sekolah menengah aliran kebangsaan. Secara tuntas, penulisan [Tan dan Santhiram \(2010\)](#) telah melontarkan beberapa persoalan yang perlu dijadikan iktibar oleh golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda Cina supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil untuk mempertingkatkan kualiti lepasan SJK (C).

[Tan \(2010\)](#) dalam karyanya *"Isu Bahasa, Etnik dan Pembinaan Negara Bangsa dalam Sistem Pendidikan Malaysia"* telah mengupas isu-isu yang menarik daripada perspektif yang tidak berat sebelah, antaranya, Isu Pendidikan Bahasa Ibunda Etnik Minoriti; Pengasingan Etnik Dalam Sistem Pendidikan Malaysia; Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris. Dalam bahagian Perubahan Dasar Bahasa Dalam Sistem Pendidikan Malaysia, turut dibincangkan Persoalan Impak Terhadap Pembinaan Negara Bangsa ([Tan, 2010](#)). Isu-isu yang berkenaan dengannya mengenai Kedudukan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pengantar; Wujudnya Dualisme Dalam Sistem Pendidikan; Kesan Substraktif Pemerolehan Bahasa Inggeris Terhadap Bahasa Melayu; Wujudnya Imperialisme dan Hegemoni Linguistik. [Tan \(2010\)](#) menyimpulkan bahawa perubahan dasar bahasa dipengaruhi oleh keperluan dalaman dan keperluan luaran, perubahan dasar bahasa perlu mempertimbangkan peranan dan fungsi antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris supaya situasi menang-menang dapat tercapai.

2.4. Pendidikan Cina Di Bawah Jagaan Dong Jiao Zong

Isu-isu yang membabitkan Dong Jiao Zong sebagai pembela nasib pendidikan bahasa ibunda Cina jelas ditunjukkan dalam buku [Tan \(2005, 2010, 2014, 2021\)](#) yang menganalisis keberkesanan perjuangan Dong Jiao Zong mewujudkan suatu sistem pendidikan vernakular Cina yang menyeluruh dan mempunyai kuasa autonomi di Semenanjung dalam tempoh 1960 hingga 1982. Namun, terdapat perbezaan pandangan dan pendirian antara Dong Jiao Zong dengan kerajaan, iaitu usaha Dong Jiao Zong mendukung konsep kepelbagaian bahasa dan budaya manakala kerajaan mengangkat bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar utama pendidikan yang menyatupadukan semua pelajar yang belajar di bawah satu bumbung supaya dapat mendukung aspirasi nasional. Wujudnya reaksi pandangan berbeza daripada Dong Jiao Zong dan kerajaan, Dong Jiao Zong menganggap kerajaan mempunyai agenda memansuhkan sistem persekolahan vernakular Cina, kerajaan pula menganggap Dong Jiao Zong yang hidup di bumi Malaysia mengetepikan kepentingan nasional secara menyeluruh. Sementara itu, isu-isu tentang etnik, bahasa, dan pembinaan bangsa telah menjadi isu utama yang perlu dihadapi oleh penggubal dasar pendidikan dalam mana-mana masyarakat majmuk.

Isu demi isu dalam pendidikan Cina yang tidak berkesudahan sudah tentu menyebabkan perkembangan sistem pendidikan Cina penuh dengan pancaroba dan para aktivis pendidikan Cina mengalami pengalaman pahit yang tidak menyenangkan, yang bercampur baur dengan usaha keras, titik peluh dan titisan air mata ([Kua, 1985](#)). Sementara itu, sejak Laporan Barnes yang telah digubal pada tahun 1951 dan 'matlamat akhir' Laporan Razak 1956 yang ingin membentuk sistem persekolahan satu aliran, Dong Jiao Zong berhasrat memperjuangkan nasib pendidikan Cina telah membuka tirai gerakan perjuangan pendidikan Cina hingga kini yang sudah melebihi separuh abad lamanya.

Gerakan pendidikan Cina bertujuan mempertahankan survival sekolah-sekolah Cina yang terpisah dari sistem pendidikan kebangsaan, selain memperjuangkan nasib sekolah-sekolah Cina yang memainkan peranan sebagai kubu pertahanan budaya etnik Cina, gerakan ini sebagai satu saluran meluahkan perasaan membantah polisi-polisi pendidikan yang hanya mementingkan sistem persekolahan satu aliran dan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi negara selain menuntut layanan yang lebih adil dan saksama terhadap pendidikan Cina.

Gerakan pendidikan Cina sebagai satu perjuangan gerakan sosial, telah mengumpulkan seluruh tenaga dan sumber dari akar umbi masyarakat etnik Cina, serta melibatkan pakatan antara Dong Jiao Zong dengan parti-parti politik dan kerjasama Dong Jiao Zong dengan pertubuhan-pertubuhan Cina, gerakan pendidikan Cina sejak zaman 50-an telah melalui pelbagai tahap. Pelbagai masalah dan cabaran telah membatasi usaha Dong Jiao Zong memperjuangkan nasib pendidikan Cina melalui gerakan pendidikan Cina.

Dalam usaha kita menilai strategi perjuangan Dong Jiao Zong dalam menerajui gerakan pendidikan Cina, [Tan \(2005\)](#) menyimpulkan bahawa dalam tempoh mulai tahun 1962 hingga tahun 1982, hasrat Dong Jiao Zong mewujudkan pendidikan Cina yang lengkap dan berautonomi, usaha Dong Jiao Zong dapat menonjolkan statusnya sebagai golongan minoriti pluralistik menuntut apa yang dianggap sebagai hak asasi. Semangat Dong Jiao Zong yang gigih dan kental mempertahankan bahasa, budaya, identiti serta hak pendidikan etnik Cina telah cuba mempengaruhi kerajaan menggubal dasar-dasar pendidikan supaya mengakomodasikan tuntutan mereka.

Dari sudut pandangan yang lain, [Pheong \(2010\)](#) mengakhiri kajian tentang perjuangan Dong Jiao Zong dalam politik etnik dari perspektif hegemoni budaya, telah membincangkan dilema yang dihadapi oleh pendidikan bahasa ibunda Cina di Malaysia dan membandingkan strategi gerakan perjuangan pendidikan bahasa ibunda Cina pada zaman yang berbeza. Perjuangan gerakan pendidikan Cina menurut [Pheong \(2010\)](#) pada zaman 70-an hingga 80-an mempunyai semangat perjuangan etnik Cina membantah sistem pendidikan unitari, manakala selepas zaman 80-an memperlihatkan strategi perjuangan Dong Jiao Zong atas pegangan nilai-nilai sejagat seperti demokrasi dan hak asasi manusia, selepas zaman 90-an, strategi perjuangan Dong Jiao Zong lebih mengutamakan perihal penubuhan Kolej New Era dan merombak semula kurikulum sekolah menengah persendirian Cina. [Pheong \(2010\)](#) menyimpulkan strategi perjuangan Dong Jiao Zong masih gagal menjalin hubungan dengan badan-badan NGO lain yang didominasi oleh kumpulan etnik bukan Cina, kelemahan ini telah menyebabkan gerakan pendidikan Cina yang diterajui oleh Dong Jiao Zong hanya berjuang untuk nasib pendidikan Cina, sedangkan masih terdapat kumpulan etnik minoriti lain yang mengalami nasib yang sama dengan etnik Cina.

[Cheong \(2013\)](#) dalam penulisannya menganalisis perjuangan Dong Jiao Zong dari tahun 1970 hingga 2002, dalam kajiannya telah mengemukakan teori pemeringkatan Mauss, terdapat lima peringkat perkembangan gerakan sosial menurut pandangan Mauss, iaitu bermula dari peringkat pertama, permulaan; peringkat kedua, gabungan; peringkat ketiga, penginstitutionan; peringkat keempat, perpecahan; dan peringkat terakhir, tamat. [Cheong \(2013\)](#) dalam penulisannya menyimpulkan bahawa gerakan pendidikan Cina tidak pernah tamat, malah gerakan ini masih berterusan sejak ia dimulakan. Sehingga hari ini, Dong Jiao Zong selain menggesa kerajaan mengubah dasar pendidikan, Dong Jiao Zong masih mempertahankan survival pendidikan Cina termasuk Sekolah SJK (C), SMPC,

dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Cina (Kolej Han Chiang Pulau Pinang, Kolej New Era Selangor, dan Kolej Selatan Johor.) Secara keseluruhan, gerakan pendidikan Cina yang diperjuangkan oleh Dong Jiao Zong masih memerlukan pengubahsuaian dari segi strategi perjuangan, termasuklah berganding bahu dengan badan-badan NGO pelbagai etnik memperjuangkan bahasa ibunda pelbagai etnik supaya dapat melangkaui batasan perkauman agar diiktiraf oleh semua kumpulan etnik.

Ang (2011), melihat gerakan pendidikan Cina dari sudut perspektif penginstitutionan dan mobilisasi sosial. Menurut Ang (2011), gerakan pendidikan Cina di Malaysia mencatatkan tempoh gerakan sosial paling lama di rantau Asia. Struktur institusi dan hubungan jalinan institusi dengan institusi lain sebagai kayu pengukur keberkesanan mobilisasi sumber dan keberkesanan perjuangan gerakan pendidikan Cina. Fleksibiliti hubungan antara institusi atas sistem rangkaian interpersonal yang tidak aktif membolehkan gerakan dapat terus bertahan walaupun terdapat banyak halangan dan sekatan daripada negara yang didominasi oleh golongan etnik majoriti. Kemahiran mewujudkan sistem rangkaian interpersonal dan interaksi yang bersifat dinamik dalam mekanisme mobilisasi sumber menggambarkan aktivis pendidikan Cina telah mahir mengadaptasikan strategi perjuangan mereka dalam iklim politik tanah air.

3. Kesimpulan

Berdasarkan kajian-kajian dan penulisan-penulisan lepas yang telah diulas, sudah tentu dapat memberikan suatu gambaran yang cukup jelas tentang perkembangan pendidikan bahasa ibunda Cina di negara ini bermula dengan naratif sejarah perkembangannya, kemudian dipertahankan dalam gerakan perjuangan bersiri untuk membela nasib pendidikan bahasa ibunda yang terumbang-ambing, sehinggalah sistem persekolahan vernakular dipertahankan dan SMPC diwujudkan, diangkat martabatnya sebagai kubu pertahanan budaya Cina Malaysia. Tidak dinafikan Dong Jiao Zong sebagai 'penjaga' atau 'custodian' pendidikan bahasa ibunda Cina, badan pendesak ini dipertanggungjawabkan masyarakat etnik Cina memimpin anggota masyarakat etnik Cina bangkit membela nasib sekolah Cina supaya masyarakat etnik Cina hidup bermaruah kerana dapat menerima pendidikan dalam bahasa ibunda dan fasih menuturkan bahasa ibunda Cina. Meskipun Gerakan Pemulihan SMPC Perak 1973 merupakan gerakan pendidikan Cina yang menentukan kelangsungan SMPC yang hangat diperkatakan masyarakat etnik Cina, yang membawa makna kebangkitan semula, melakar lembaran baharu dalam sejarah pendidikan bahasa ibunda dengan menjenamakan semula sistem persekolahan SMPC supaya memiliki sistem kurikulum dan hala tuju yang tersendiri sejak berkuatkuasanya Akta Pelajaran 1961. Namun demikian, Gerakan Pemulihan SMPC Perak 1973 masih belum diterokai sepenuhnya, malah tidak dijadikan fokus kajian secara menyeluruh, sebaliknya hanya disentuh dan dibincangkan dalam subtopik kajian-kajian lepas berbentuk liputan peristiwa sejarah tanpa disokong rangka teoritikal sarjana (Kua, 1985; Tan, 2005; Pay, 2008; Pheong, 2010; Ang, 2011; Lee, 2011; Cheong, 2013; Ong, 2014; Tan, 2014). Sungguhpun begitu, amatlah nyata pengkaji-pengkaji lepas telahpun menyumbangkan ilmu yang cukup signifikan dalam *body of knowledge* sebagai rujukan ilmiah kepada pengkaji-pengkaji pada masa akan datang yang bakal mengisi jurang penyelidikan dalam skop disiplin ilmu ini.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Nur Atiqah Tang Abdullah, selaku penyelia tesis atas kesabaran, sokongan, nasihat, bimbingan dan galakan yang diberikan banyak membantu saya dalam penerbitan artikel jurnal ini. Penulisan ini merupakan sebahagian daripada Tesis Sarjana yang akan dihantar kepada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kewangan (*Funding*)

Penulis menerima bantuan kewangan daripada penyelia tesis melalui dana penyelidikan institut.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tidak mempunyai konflik kepentingan dalam penerbitan artikel jurnal ini.

Rujukan

- Ang, M. C. (2011). *Institutions and Social Mobilization: The Chinese Education Movement in Malaysia*. Unpublished Ph.D Thesis, National University of Singapore.
- Cheong, Y. K. (2013). *Gerakan Pendidikan Cina Di Malaysia: Satu Kajian Tentang Perjuangan Dong Jiao Zong (1970-2002)*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Center.
- Fishman, J. A. (1971). National Languages and the Languages of Wider Communication in the Developing Nations. Dalam W. H. Whiteley (Ed), *Language Use and Social Change: Problems of Multilingualism with Special Reference to Eastern African* (pp. 27-56). London: Oxford University Press.
- Kua, K. S. (1985). *The Chinese School of Malaysia: A Protean Saga*. Kuala Lumpur: United Chinese School Committees Association of Malaysia.
- Lee, T. H. (2011). *Chinese Schools in Peninsular Malaysia: The Struggle for Survival*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Ong, S. K. (2014). *Malaixiya Huawen Zhongxue de Gaizhi yu Fuxing: Yi Pilizhou Weili (1962-1985) [The Metamorphosis and Resurgence of Chinese Secondary Schools in Malaysia: Focusing on Perak (1962-1985)]*. Ipoh: Percetakan Advanco Sdn. Bhd.
- Pay, S. T. (2008). *Politik Pendidikan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC), 1962-2002: Satu Kajian Tentang Perkembangan SMPC di Ipoh, Perak*. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan, Universiti Sains Malaysia.
- Persatuan Lembaga-Lembaga Pengurus Sekolah Cina Perak. (1975). *Pi Li Zhou Hua Wen Du Zhong Fu Xing Shi [Sejarah Gerakan Pemulihan SMPC Perak]*. Perak: Persatuan Lembaga-Lembaga Pengurus Sekolah Cina Perak.
- Pheong, E. -L. (2010). *The Dilemma of Malaysia Chinese Education Movement, From The Perspective of Ethnic Politics*. Unpublished Master Thesis, Taiwan Shih Hsin University.
- Tan, L. E. (1997). *The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tan, Y. S. (2005). *Politik Dongjiaozong dalam Pendidikan Vernakular Cina di Semenanjung Malaysia (1960-1982)*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

- Tan, Y. S. (2010). *Isu Bahasa, Etnik dan Pembinaan Negara Bangsa dalam Sistem Pendidikan Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Tan, Y. S. & Santhiram, R. (2010). *The Education of Ethnic Minorities: The Case of The Malaysian Chinese*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Tan, Y. S. (2014). *Pendidikan Cina di Malaysia: Sejarah, Politik dan Gerakan Perjuangan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Tan, Y. S. (2021). *The Development of Chinese Education in Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Center.
- Zhen, G. (1996). *Bo Xia Chun Feng Wan Li—Pi Li Zhou Hua Wen Du Zhong Fu Xing Yun Dong Ji Shi [Penyiaran Bayu Musim Bunga: Catatan Gerakan Pemulihan SMPC Perak]*. Kajang: Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia.